

27/04/2005

Mahathir-Ekstrem

M'SIA TAK AKAN JADI NEGARA ISLAM EKSTREM, KATA TUN DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 27 April (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak bersetuju dengan pandangan bahawa Malaysia kini menjurus kepada sebuah negara Islam yang ekstrem, sambil menyatakan bahawa majoriti umat Islam di negara ini tidak mudah dicucuk hidung oleh orang yang berpura-pura menegakkan Islam.

Bekas Perdana Menteri itu berkata ini kerana orang Melayu Islam adalah orang yang rasional yang tahu mengenai Islam.

"Tetapi terdapat juga sebahagian daripada mereka yang tidak berpengetahuan mengenai Islam yang mudah diperdaya," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Menteri Mentor Singapura dan bekas rakan sejawatannya, Lee Kuan Yew, di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Dr Mahathir berkata demikian selepas ditanya mengenai inti perbincangan beliau dengan Lee yang juga Perdana Menteri Singapura dari 1959 hingga 1990.

Beliau berkata, antara lain, Lee ingin tahu sama ada Malaysia akan diperintah oleh puak pelampau Islam dan sama ada bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan kembali mendapat tempat di negara ini.

"Saya fikir inilah yang menjadi kebimbangan banyak orang luar, terutama di kalangan negara-negara Eropah, bahawa Malaysia akan menjurus kepada sebuah negara Islam yang ekstrem dan puak pelampau Islam akan menguasai yang lain," kata beliau.

Dr Mahathir bagaimanapun segera menegaskan bahawa senario seumpama itu tidak akan berlaku kepada Malaysia.

Lee melakukan lawatan itu sehari selepas Malaysia dan Singapura menandatangani perjanjian bagi menamatkan pertikaian mengenai isu penambakan laut oleh Singapura di tengah-tengah kewujudan tanda-tanda akan berkembangnya hubungan baik antara kedua-dua buah negara berjiran itu yang telah melalui onak dan duri pada masa lepas.

Ketika diminta pandangannya mengenai hubungan dua hala antara kedua-dua negara kini, Dr Mahathir berkata: "Ia nampaknya sangat baik."

Beliau berkata Lee, yang meninggalkan yayasan itu tanpa ditemu bual oleh pemberita, juga bertanyakan penilaiannya terhadap kerajaan Malaysia yang baru sepanjang 18 bulan lepas.

Dr Mahathir berkata: "Saya menjelaskan kepada beliau bahawa bila saya berundur, saya telah berjanji kepada diri sendiri yang saya tidak akan mencampuri urusan kerajaan, saya tidak akan membuat sebarang komen. Jadi apabila beliau meminta saya memberi komen, saya kata saya minta maaf, saya tidak dapat menjawab pertanyaan itu."

Mengenai sama ada Anwar akan mendapat tempat semula, beliau berkata ia mungkin berlaku. "Tetapi saya ragu beliau akan mencapai apa-apa kemajuan."

Menyentuh hal yang lebih bersifat peribadi, Dr Mahathir berkata beliau gembira melihat Lee masih mempunyai kesihatan yang baik.

"Beliau masih seperti dulu juga, sentiasa berminat mengenai banyak benda," katanya mengenai Lee yang berusia 81 tahun itu yang selama tiga dekad pemerintahannya telah membawa Singapura daripada sebuah negara Dunia Ketiga kepada sebuah kuasa ekonomi dan kewangan.

Kedua-dua mereka juga telah bertukar-tukar idea mengenai penulisan memoir masing-masing. Memoir yang ditulis oleh Lee bertajuk "The Singapore Story: The Memoirs of Lee Kuan Yew" telah diterbitkan pada 1998.

Dr Mahathir berkata: "Beliau menjelaskan kepada saya bagaimana beliau menulis memoirnya. Saya menjelaskan kepada beliau bahawa saya sangat lambat, saya tulis tangan dan saya juga terganggu kerana terpaksa menulis ucapan untuk jemputan yang saya terima.

"Saya tidak berapa pandai menulis buku. Saya hanya tulis artikel dan ucapan. Saya tak reti duduk menulis panjang-panjang."

-- BERNAMA

MAM KHY